

# Notis Mesyuarat Agung Tahunan Yang Kelima Belas

**DENGAN INI DIMAKLUMKAN** bahawa Mesyuarat Agung Tahunan AMMB Holdings Berhad ("Syarikat") yang Kelima Belas akan diadakan di Dewan AmBank Group, Tingkat 7, Bangunan AmBank Group, 55 Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur pada hari Rabu, 9 Ogos 2006 jam 2.30 petang untuk tujuan-tujuan berikut:

Perkara	Agenda	Resolusi di Borang Proksi
<b>Sebagai Urusan Biasa</b>		
1.	Untuk menerima Akaun-Akaun Teraudit bagi tahun berakhir 31 Mac 2006 serta Laporan Pengarah dan Laporan Juruaudit mengenainya.	(Resolusi No. 1)
2.	Untuk meluluskan dividen pertama dan akhir sebanyak 5.0% tolak cukai bagi tahun berakhir 31 Mac 2006.	(Resolusi No. 2)
3.	Untuk meluluskan bayaran yuran para Pengarah bagi tahun berakhir 31 Mac 2006.	(Resolusi No. 3)
4.	Untuk memilih semula Pengarah-pengarah berikut yang bersara mengikut giliran menurut Artikel 89 Tataurusan Syarikat: <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) Y Bhg Tan Sri Datuk Dr Aris Othman</li> <li>(b) Y Bhg Tan Sri Dato' Mohd Ibrahim Mohd Zain</li> <li>(c) Y Bhg Dato' Izham Mahmud</li> <li>(d) Puan Shalina Azman</li> </ul>	(Resolusi No. 4) (Resolusi No. 5) (Resolusi No. 6) (Resolusi No. 7)
5.	Untuk melantik semula Tetuan Ernst & Young, Juruaudit yang akan bersara dan untuk memberi kuasa kepada para Pengarah bagi menentukan ganjaran mereka.	(Resolusi No. 8)
<b>Sebagai Urusan Khas</b>		
Untuk mempertimbangkan dan jika difikir sesuai, meluluskan resolusi yang berikut sebagai Resolusi Biasa:		
6.	<b>Kuasa untuk Menerbitkan Saham Menurut Seksyen 132D Akta Syarikat, 1965</b>  "BAHAWA tertakluk kepada kelulusan daripada pihak-pihak berkuasa yang berkenaan, di mana kelulusan tersebut diperlukan, para Pengarah adalah dengan ini diberikan kuasa sepenuhnya mengikut Seksyen 132D Akta Syarikat, 1965, untuk menerbitkan saham dalam modal Syarikat, pada bila-bila masa di bawah syarat-syarat dan bagi tujuan-tujuan tersebut seperti mana mengikut pertimbangan yang dianggap layak oleh Lembaga Pengarah, asalkan jumlah saham terkumpul yang akan diterbitkan menurut resolusi ini, tidak melebihi sepuluh peratus daripada modal saham terbitan Syarikat buat sementara."	(Resolusi No. 9)
7.	Untuk membincangkan lain-lain perkara yang mana notis sewajarnya telah pun diterima.	

## Notis Kelayakan dan Pembayaran Dividen

**DENGAN INI DIMAKLUMKAN**  
bahawa dividen pertama dan akhir sebanyak 5.0% tolak cukai bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2006, jika diluluskan oleh pemegang-pemegang saham di Mesyuarat Agung Tahunan yang Kelima Belas akan dibayar pada 5 September 2006 kepada pemegang-pemegang saham yang tersenarai dalam Rekod Pendeposit pada 18 Ogos 2006.

Seseorang pendeposit hanya layak untuk hak sekiranya:

- a. Saham dipindah ke akaun sekuriti pendeposit sebelum 4.00 petang pada 18 Ogos 2006 bagi pindahan biasa; dan
- b. Saham dibeli di Bursa Malaysia Securities Bhd atas dasar kelayakan mengikut Peraturan-peraturan Bursa Malaysia Securities Bhd.

Dengan Perintah Lembaga Pengarah

**RAVINDRA KUMAR  
THAMBIMUTHU**  
(LS 0000902)  
Setiausaha Syarikat Kumpulan

Kuala Lumpur  
18 Julai 2006

### Nota-nota

- (1) Seorang pemegang saham yang berhak hadir dan mengundi adalah berhak melantik seorang proksi untuk hadir dan mengundi bagi pihaknya. Seorang proksi atau wakil yang diberi kuasa tidak semestinya seorang pemegang saham Syarikat. Di bawah Seksyen 149(1) Akta Syarikat, 1965, jika seorang proksi bukan seorang pemegang saham, ia mestilah merupakan seorang peguam, seorang juruaudit syarikat bertauliah atau seorang yang mendapat kebenaran Pendaftar Syarikat dalam kes tertentu.
- (2) Seorang Nominisah seperti yang ditakrifkan di bawah Akta Industri Sekuriti (Simpanan Pusat) 1991, boleh melantik seorang proksi bagi setiap akaun sekuriti yang dipegangnya di mana saham biasa Syarikat dikreditkan dalam akaun sekuriti tersebut. Seorang proksi yang dilantik haruslah pemilik benefisial saham dalam akaun sekuriti tersebut atau seorang sebagaimana tersebut di bawah Seksyen 149(1) Akta Syarikat, 1965.
- (3) Suratcara pelantikan proksi bagi individu mestilah ditandatangani oleh pelantik atau wakil yang diberi kuasa dan bagi sebuah perbadanan, suratcara pelantikan proksi atau proksi-proksi mestilah disempurnakan di bawah meterai syarikat atau ditandatangani oleh pegawai atau wakil yang diberi kuasa berbuat demikian.
- (4) Suratcara pelantikan proksi yang telah disempurnakan mestilah dihantar kepada Pejabat Berdaftar Syarikat di Tingkat 22, Bangunan AmBank Group, 55 Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur **tidak kurang daripada 48 jam** sebelum waktu Mesyuarat yang ditetapkan.
- (5) **Nota Penjelasan tentang Resolusi No. 9**
  - **Kuasa untuk Menerbitkan Saham Menurut Seksyen 132D Akta Syarikat, 1965**

Resolusi biasa no. 9, jika diluluskan, akan memberi para Pengarah Syarikat, daripada tarikh Mesyuarat Agung, kuasa untuk memperuntukkan dan menerbitkan saham biasa daripada modal saham Syarikat yang belum diterbitkan sehingga jumlah terkumpul tidak melebihi 10 peratus daripada modal saham terbitan Syarikat buat sementara, apabila perlu atau peluang perniagaan timbul dan dianggap akan memanfaatkan Syarikat oleh para Pengarah. Kuasa ini, kecuali ditarik balik atau dipelbagaikan di Mesyuarat Agung, akan tamat pada Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang.

### Penyata Mengiringi Notis Mesyuarat Agung Tahunan

### Pengarah-pengarah Yang Menawarkan Diri Untuk Dipilih Semula Di Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat Yang Kelima Belas

Pengarah-pengarah yang bersara mengikut giliran menurut Artikel 89 Tataurusan Syarikat dan menawarkan diri untuk dipilih semula adalah seperti berikut:

- Y Bhg Tan Sri Datuk Dr Aris Othman
- Y Bhg Tan Sri Dato' Mohd Ibrahim Mohd Zain
- Y Bhg Dato' Izham Mahmud
- Puan Shalina Azman

Butir-butir mengenai keempat-empat Pengarah yang menawarkan diri untuk dipilih semula dibentangkan dalam profil masing-masing di Profil Para Pengarah dan pegangan sekuriti mereka di dalam Syarikat dan subsidiari-subsidiarinya dibentangkan dalam Struktur Pemegangan Saham dan Waran di Laporan Tahunan ini.

# Surat kepada Para Pemegang Saham



*Kepada pemegang saham,*

Tahun kewangan yang baru berakhir pada 31 Mac 2006 menyaksikan kesinambungan di dalam suasana perubahan. Kami telah melunaskan komitmen kami kepada pemegang-pemegang saham dengan cara memperoleh keuntungan yang lebih tinggi, mengumumkan dividen yang lebih tinggi serta mengukuhkan kedudukan modal Kumpulan AmBank sambil meneruskan pendekatan yang berhati-hati dalam menghadapi risiko.

Kami telah memulakan tahun ini dengan satu struktur korporat baru yang dapat menyokong strategi pelbagai jurusan kami dalam industri perkhidmatan kewangan. Kami telah selesai melaksanakan pengorganisasian semula korporat yang telah kami mulakan dalam tahun kewangan 2005 iaitu:

- Penyenaraian operasi bank pelaburan di bawah AmlInvestment Group Berhad pada 18 Mei 2005;

- Penggabungan urusan bank perdagangan dan operasi syarikat kewangan di bawah satu entiti sah, AmBank (M) Berhad pada 1 Jun 2005;

- Penubuhan satu persekutuan strategik dalam perniagaan insurans melalui perolehan pegangan 30.0% dalam AmAssurance Berhad oleh Insurance Australia Group Limited; dan

- Permulaan operasi Perbankan Islam oleh AmBank (M) Berhad menerusi satu subsidiari milik penuhnya AmlIslamic Bank Berhad pada 1 Mei 2006.

Walaupun pengorganisasian semula korporat ini mencabar pada mulanya, ia telah mendatangkan hasil lumayan kepada Kumpulan. Operasi yang diperkemaskin telah membolehkan kami memperoleh bahagian pasaran yang bermakna menerusi penawaran



Penyertaan Kumpulan dalam SMIDEX 2006 (diadakan bersama ASEAN + 3 SME Convention 2006); Kakitangan Kumpulan AmBank (berbaju merah) berserta Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi (kedua dari kiri) dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, YB Dato' Seri Rafidah Aziz (paling kiri).

satu rangkaian lengkap produk inovatif dan perkhidmatan berkualiti, di samping mengembangkan francis kami yang sudah nyata kekuuhannya dalam negara.

Kami telah memperoleh bahagian pasaran yang bermakna dalam semua bidang aktiviti perniagaan kami termasuklah perbankan runcit, pinjaman perdagangan, urusan bank pelaburan dan produk insurans. Ini adalah bukti jelas bahawa model perniagaan kami, selepas pengorganisasian semula, berjalan dengan lancar and inisiatif strategik kami semakin berkesan.

## Komitmen Kami Kepada Pemegang Saham Untuk Tahun Kewangan 2006

Melalui surat terakhir kami kepada pemegang saham, kami telah menyenaraikan objektif untuk tahun kewangan berakhir pada 31 Mac 2006, bersertakan inisiatif strategik masakini yang dimulakan oleh Kumpulan untuk menambah nilai pemegang saham dan meletakkan Kumpulan AmBank dalam liga institusi kewangan terbaik dalam negara. Objektif ini adalah:

- Memperbaiki kualiti aset dan mengurangkan pinjaman tak berbayar ke tahap kurang daripada 10.0%;

- Memperbaiki produktiviti melalui pengurangan nisbah overhead kepada pendapatan kepada 36.0%;
- Mengurangkan kos pembiayaan dengan cara menambah deposit permintaan; dan
- Memperbaiki perkhidmatan pelanggan.

## Mengukur Kemajuan Kami

Untuk tahun kewangan berakhir 31 Mac 2006, untung sebelum cukai Kumpulan telah bertambah sebanyak 44.2% kepada RM710.1 juta. Untung bersih selepas cukai dan kepentingan minoriti meningkat sebanyak 79.2% kepada RM365.5 juta. Keputusan ini mewakili pulangan ekuiti selepas cukai sebanyak 7.4%, satu peningkatan baik berbanding 4.6% bagi tahun sebelumnya.

Lain-lain pendapatan kendalian, satu petanda penting bagi perkembangan perniagaan baru, telah meningkat kepada 19.0% and nisbah lain-lain pendapatan kendalian kepada jumlah pendapatan adalah 31.6%, dan ianya sentiasa melebihi 30.0% bagi 3 tahun yang sebelumnya. Maka, perolehan bersih sesaham kumpulan telah meningkat kepada 17.2 sen sesaham berbanding 10.8 sen sesaham bagi tahun kewangan sebelumnya. Peningkatan prestasi ini adalah hasil daripada perkembangan kukuh pinjaman runcit dan pengurangan pinjaman tak berbayar, peningkatan pendapatan pelaburan dan

perdagangan akibat perkembangan aktiviti perbendaharaan serta pengukuhan pendapatan premium insurans am.

Namun demikian, peningkatan keuntungan telah dibendung oleh kenaikan perbelanjaan overhead. Sebahagian daripadanya adalah perbelanjaan tidak berulang berkaitan dengan pengubahan syarikat kewangan kepada bank perdagangan dan perbelanjaan pemasaran yang menyokong perkembangan perniagaan. Akibatnya, nisbah overhead kepada jumlah pendapatan adalah 41.0%, lebih tinggi daripada sasaran 36.0%.

Keputusan ini telah dicapai di dalam suasana pasaran yang semakin kompetitif dan juga keadaan ekonomi yang tidak menentu. Suasana ekonomi amat mencabar kerana peningkatan kadar faedah dan volum perdagangan yang lebih rendah di Bursa Malaysia, harga minyak yang lebih tinggi dan risiko geopolitik yang lebih mengancam, walaupun ekonomi negara membuktikan kebingkasannya dengan pertumbuhan KDNK 5.3% bagi tahun 2005.

Bagi pihak Lembaga, saya ingin merakamkan penghargaan kepada pengurusan dan kakitangan kerana telah menyumbang kepada peningkatan prestasi Kumpulan.

## Dividen

Sebagai pengiktirafan peningkatan prestasi dan selaras dengan komitmen kami untuk memberi nilai kepada pemegang saham, maka Lembaga Pengarah mencadangkan satu pembayaran dividen akhir sebanyak 5.0% ditolak cukai, satu peningkatan daripada 4.0% ditolak cukai yang telah dibayar pada tahun kewangan 2005. Hasil daripada cadangan ini, hampir RM76.7 juta akan dibayar kepada pemegang saham atau 21.0% daripada untung bersih selepas cukai dan kepentingan minoriti sebanyak RM365.5 juta. Ini adalah konsisten dengan komitmen kami untuk membayar sehingga 25.0% daripada untung bersih Kumpulan setiap tahun dalam bentuk dividen.



Tan Sri Dato' Azman Hashim (kiri) menerima anugerah "Merit Khas untuk Pengurusan Utama Terbaik Malaysia 2004 (Pasaran Sukuk Korporat) Rating Agency Malaysia (RAM) daripada Timbalan Perdana Menteri, YB Datuk Seri Najib Abdul Razak (kanan).

## Perkembangan Kunci Kira-kira

Kunci kira-kira telah mula menunjukkan pengukuhan hasil daripada pengubahan syarikat kewangan Kumpulan menjadi bank perdagangan lengkap pada Jun 2005 dengan rangkaian serata negara sebanyak 170 cawangan dan 233 buah ATM. Dalam tahun semasa:

- Jumlah aset telah bertambah sebanyak RM10.1 bilion atau 16.3% kepada RM72.3 bilion mengukuhkan kedudukan Kumpulan sebagai kumpulan perbankan kelima terbesar dalam negara.
- Jumlah deposit pelanggan yang telah digerakkan meningkat sebanyak 13.0% atau RM4.5 bilion kepada RM38.9 bilion pada Mac 2006.
- Pinjaman bersih dan pendahuluan telah berkembang sebanyak 11.9% atau RM4.8 bilion kepada RM44.9 bilion. Ini adalah kali pertama Kumpulan telah mencatat perkembangan pinjaman sebanyak 2 digit semenjak krisis kewangan Asia. Perkembangan pinjaman ini telah dipacu oleh peningkatan dalam pembayaran sewa beli, gadai janji kediaman dan pembiayaan kad kredit.

Dari kiri: Encik Cheah Tek Kuang (Pengarah Urusan Kumpulan, Kumpulan AmBank), YBhg Dato' Azlan Hashim (Timbalan Pengurusi, Kumpulan AmBank), Encik Michael Hawker (Ketua Pegawai Eksekutif, Insurance Australia Group), dan Encik James Strong (Pengerusi, Insurance Australia Group) sewaktu majlis menandatangani perjanjian antara Insurance Australia Group and AmAssurance.

- Pinjaman kepada perusahaan kecil dan sederhana mencatat peningkatan sebanyak RM1.3 bilion untuk menyumbang 10.0% daripada jumlah portfolio pinjaman Kumpulan.
- Nisbah kecukupan modal telah meningkat kepada 13.94% berserta dengan nisbah modal Peringkat-1 sebanyak 9.96%. Dana modal mampu menyokong perkembangan aset sebanyak RM41.20 bilion kerana adanya jumlah aset dilaraskan-risiko sebanyak RM54.63 bilion.
- Jumlah dana pemegang saham bernilai RM5.03 bilion manakala dana modal termasuk hutang berkaitan, meningkat kepada RM7.62 bilion.

## Kualiti Aset Bertambah Baik

Nisbah pinjaman tak berbayar bersih Kumpulan berdasarkan klasifikasi tigabulan telah mencatatkan pengurangan kepada 9.6% pada penghujung Mac 2006, berbanding kepada 13.8% setahun yang lalu.

Pengurangan tahap pinjaman tak berbayar adalah hasil usaha pemulihan intensif berpusat di bawah Unit Pemulihan Kumpulan untuk mengstruktur semula pinjaman korporat yang diluluskan sebelum krisis kewangan Asia dan perlaksanaan sistem pusat untuk Kutipan Runcit serta keadaan ekonomi yang telah pulih. Perlindungan kerugian pinjaman juga bertambah baik daripada 32.2% kepada 36.7% pada akhir Mac 2006.

## Kos Pembiayaan Yang Lebih Rendah

Jumlah deposit kos rendah Kumpulan terdiri daripada simpanan dan deposit permintaan telah meningkat sebanyak RM285.3 juta kepada RM4.5 bilion. Walaupun kami sedang menambah jumlah akaun runcit dan semasa korporat, usaha kami masih belum mencapai matlamat dan oleh kerana itu belum berjaya untuk memberi kesan mengurangkan kos pembiayaan. Kami berharap kadar perolehan sumber pembiayaan ini akan dapat dipertingkatkan hasil kempen pemasaran yang lebih intensif. Satu lagi inisiatif penting untuk memperluaskan sumber pembiayaan kos rendah adalah perkhidmatan pengurusan tunai yang telah dilancarkan pada Mac 2006.

## Perkhidmatan Pelanggan

Perkhidmatan pelanggan yang cemerlang adalah kunci kejayaan Kumpulan AmBank menghadapi pesaing di dalam industri perkhidmatan kewangan yang amat kompetitif. Kumpulan akan terus menguntukkan sumber penting dalam usaha memperbaiki tahap perkhidmatan pelanggan.

Bermula dengan kempen "Customer F.I.R.S.T.", AmBank kini telah menujuhkan Unit Menambah Baik Kualiti Perkhidmatan yang menggunakan kaedah Six Sigma dalam usaha kami memperbaiki perkhidmatan pelanggan di cawangan dan lain-lain operasi perniagaan.



## Mengukuhkan Kedudukan Pasaran Kami

### AmlInvestment Group

Peningkatan kadar faedah dan volum perdagangan yang rendah sering memberi kesan kepada aktiviti pasaran modal. Walau bagaimanapun, kumpulan bank pelaburan mencatat keuntungan bersih selepas cukai sebanyak RM247.3 juta, peningkatan sebanyak 22.5% melebihi tahun sebelumnya dan mengatasi unjuran keuntungan RM240.8 juta yang telah dinyatakan dalam prospektus tawaran awam permulaan, hasil daripada pendekatan yang berdisiplin dalam mengurus perbelanjaan, risiko dan modal.

Prestasi baik tidak kami abaikan. Penekanan kami di atas penyelidikan dan budaya innovasi telah sekali lagi membantu Kumpulan dalam memainkan peranan penting membangunkan industri dana pelaburan harta tanah, lantas mendapat anugerah-anugerah tertinggi kerana menjadi peneroka dan pemain yang paling dominan sepanjang tahun dalam tahun 2005.

### Perbankan Runcit dan Perdagangan

Di dalam tahun kewangan 2006, jumlah pinjaman-pinjaman runcit telah berkembang hampir 17.9% atau daripada RM4.9 bilion kepada RM32.0 bilion. Kumpulan terus menjadi pembiaya sewa beli yang paling utama dengan portfolio sewa beli berjumlah RM23.1 bilion, menyumbang kepada bahagian pasaran yang menghampiri 23.0%.

Perniagaan gadai janji Kumpulan terus berkembang kepada RM9.8 bilion, manakala kad-kad kredit dalam kitaran meningkat kepada 446,000.

Kumpulan akan terus menguntukkan sumber penting dalam usaha mempertingkatkan perkhidmatan pelanggan ke tahap antarabangsa.

Sasaran separuh juta kad dalam kitaran kini hampir menjadi nyata. Dalam tahun yang sama, bank telah melancarkan AmBank-RealRewards MasterCard, AmBank-RealRewards 2006 FIFA World Cup MasterCard, AmBank Platinum Card dan AmBank Imagine Visa Card.

Perkembangan pesat aktiviti pinjaman runcit adalah hasil penggunaan teknologi, model pengiraan mata kredit dan memperbaiki prosedur diteruskan kerana pelanggan terus mendesak agar masa layanan dipendekkan. Kumpulan telah mengambil kesempatan peraturan kawalan tukaran matawang dilonggarkan dengan memanfaatkan keupayaan kami yang sedia ada dalam perbankan runcit dan pelaburan untuk memperkenalkan produk matawang asing, dana amanah saham yang inovatif, dana modal persendirian dan dana pelaburan harta tanah.

### Insurans

Kami juga telah meningkatkan kedudukan dalam industri insurans hasil pertumbuhan dalam premium insurans baru sebanyak 10.9% atau RM653.9 juta. AmAssurance berada di tangga kelima dalam industri insurans am manakala kami berada di tangga kelapan dalam industri insurans nyawa dengan bahagian pasaran 4.0%.

Banyak usaha sedang ditumpukan kepada pelaksanaan strategi dua serampang untuk mengembangkan perniagaan insurans kami.

Penggabungan produk insurans hayat dan am untuk ditawarkan kepada pelanggan runcit dan korporat; dan perkembangan rangkaian agensi.

Persekutuan strategik bersama syarikat insurans terbesar Australia, Insurance Australia Group Limited, membuka peluang kepada AmAssurance untuk terus mengukuhkan kedudukannya dengan cara menyungkit pengalaman dan kepakaran mereka.

## Menjelang Sistem Baru Dunia

Harga tinggi komoditi dan bahan api yang berterusan akan mengakibatkan keadaan ekonomi dunia yang tidak menentu berpanjangan. Maka, kami meramalkan industri perbankan akan terus berhadapan dengan keadaan yang amat mencabar bagi satu bulan yang akan datang. Walau bagaimanapun, kami yakin bahawa budaya inovatif dan pengurusan risiko yang berhati-hati akan membolehkan kami terus mancatat kemajuan dalam suasana yang mencabar masakini.

Kumpulan juga menyediakan diri untuk bersaing dengan institusi kewangan asing menjelang peraturan industri perkhidmatan kewangan dilonggarkan. Kami percaya bahawa kedudukan kukuh kami sebagai peneraju dalam pelbagai jurusan pelanggan dan produk, pengalaman pasaran dan kepakaran yang luas, kepimpinan yang berkesan, serta ekuiti jenama yang



Dari kiri: Tan Sri Dato' Azman Hashim (Pengerusi, Kumpulan AmBank), Encik Mohamed Azmi Mahmood (Pengerusi Urusan, Perbankan Runcit, AmBank (M) Berhad), Encik Jim Cheah (Naib Presiden, MasterCard International dan Pengurus Negara Kanan, Malaysia dan Brunei), dan Encik Perry Ong (Pengurus Besar, Perkidaan Kad dan Jabatan LOC, AmBank (M) Berhad) melancarkan AmBank Plantinum MasterCard.

bernilai memberi kami keupayaan untuk menghadapi kemasukan pesaing asing.

Sehubungan dengan perkembangan dalam pasaran dalaman, Kumpulan telah melaksanakan strategi untuk meningkatkan tahap operasi serantau, terutamanya di Singapura dan Indonesia, demi memperkuatkan kedudukan dalam rantau ini. Kami sedang menyelesaikan perolehan baki 51.0% ekuiti dalam operasi Fraser Securities Pte Ltd di Singapura dan juga menambah pegangan ekuiti dalam PT AmCapital Indonesia kepada 99.0%. Perkembangan ini akan memberi kelebihan kompetitif melalui kepelbagaiannya rantau dan kemampuan meluas untuk bersaing dengan pesaing serantau maupun global.

### **Khidmat Masyarakat**

Kami memuji kakitangan kami atas usaha mereka memberi khidmat dalam komuniti di mana Kumpulan beroperasi. Sepanjang tahun ini, Kumpulan telah terus memainkan peranan dalam pembangunan masyarakat dan kemajuan negara dengan cara sumbangan kewangan dan bukan kewangan kepada pelbagai program amal, pendidikan dan kebudayaan. Ramai di antara pengarah dan kakitangan kanan melibatkan diri secara aktif dalam jawatan kuasa pelbagai pertubuhan sukarela dan amal pada peringkat kebangsaan.

### **Keutamaan Kami Dalam Tahun Kewangan 2007**

Walaupun suasana ekonomi akan datang begitu berbeza dengan pertumbuhan sederhana KDNK berserta kenaikan kadar faedah, kami terus menumpukan perhatian dalam tahun kewangan 2007 untuk mencapai objektif yang serupa seperti tahun kewangan sebelumnya, iaitu untuk memperbaiki:

- Pulangan ekuiti dan pulangan aset;
- Kualiti aset secara keseluruhan dan mengurangkan nisbah pinjaman tak berbayar;

- Produktiviti dan kecekapan yang diukur melalui nisbah overhead kepada pendapatan; dan
- Kos pembiayaan dengan cara menambah mobiliti deposit permintaan dan simpanan daripada pelanggan runcit, korporat dan institusi.

Kami akan terus mempertingkatkan kecekapan teras sambil mencari peluang untuk memanfaatkan aliran pasaran dan memperkenalkan produk inovatif yang dapat memenuhi keperluan kewangan pelanggan dalam suasana pasaran masakini.



Encik Cheah Tek Kuang, Pengarah Urusan Kumpulan, Kumpulan AmBank (kiri) menerima anugerah "Produk Kewangan Islam Yang Paling Inovatif" daripada Menteri Kewangan II, YB Tan Sri Nor Mohamed Yakcop (kanan).

Menghulurkan bantuan kepada mereka yang memerlukannya adalah tradisi Kumpulan. Sepanjang tahun kewangan yang lalu, Kumpulan telah menyumbang dengan sepenuh hati kepada pertubuhan-pertubuhan amal, pendidikan, budaya, kesihatan dan sukan dalam usaha kami menjadi warga korporat yang prihatin.

### **Penghargaan**

Kemajuan kami pada tahun-tahun yang lepas tidak mungkin menjadi kenyataan tanpa kepercayaan dan perkongsian daripada pelanggan kami, komitmen, dedikasi dan integriti warga kami, bimbingan daripada Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa Malaysia Securities Berhad, dan yang paling penting sekali adalah sokongan jitu dan berterusan daripada pemegang saham kami.

Saya ingin mengambil peluang ini untuk merakamkan setinggi penghargaan yang ikhlas daripada saya untuk dua orang Pengarah syarikat yang telah bersara dalam tempoh tahun ini: Y Bhg Prof Tan Sri Dato' Dr Mohd Rashdan Haji Baba yang telah berkhidmat sebagai ahli Lembaga selama hampir satu dekad dan Y Bhg Tan Sri Dato' Dr Lim Kok Wing yang telah dilantik menjadi ahli Lembaga dua tahun yang lalu. Sumbangan mereka demi kemajuan Kumpulan amatlah dihargai. Saya berterima kasih kepada semua yang terlibat dalam kejayaan tahun ini.

Dalam ketika kami menentukan hala tujuan masa akan datang, kami terus bersemangat menduga peluang dan cabaran yang akan datang serta optimistik mengharapkan perkembangan.

*Yaneh ikhlas,*  
*Azman Hashim*

Tan Sri Dato' Azman Hashim  
Pengerusi Bukan-Eksekutif

Kuala Lumpur  
30 Jun 2006